

# Pandangan tokoh Dayak diambil kira

BN 10 OCT 1991

KUALA LUMPUR, Rabu — Barisan Nasional (BN) akan memberi pandangan serius terhadap permintaan pemimpin kaum Dayak Sarawak supaya Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) jangan diterima menyertai semula Barisan Nasional Sarawak (BN3) buat masa ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad~~.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, BN Pusat ketika ini tidak menerima permohonan PBDS (untuk menyertai semula BN3).

Pengerusi BN itu berkata, pemimpin Dayak daripada tiga parti komponen BN3 — Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) — menyatakan penyertaan PBDS ke dalam BN3 ketika ini tidak kena kerana sebab tertentu.

"Mereka menyatakan kepada saya, masa tidak sesuai untuk penyertaan semula PBDS ke dalam BN3. Kata mereka, sesuatu pihak tidak patut masuk parti dan kemudian keluar dan mahu masuk semula begitu sahaja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel (CFMM), di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Semalam, 15 anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) BN Sarawak keturunan Dayak yang ketua oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Alfred Jabu, menemui Datuk Seri Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Datuk Amar Jabu turut menyatakan BN3 tidak menghalang PBDS menyertainya pada masa depan dengan syarat ia benar-benar ikhlas serta memenuhi 'nasihat' supaya:

- Mengisytiharkan dalam perhimpunan agung PBDS bahawa ia tidak mempunyai daya bergerak lagi serta membatalkan sama sekali projek Ketua Menteri Sarawak 1992 untuk mempunyai Ketua Menteri berketurunan Dayak; dan

- Pemimpin PBDS pergi ke rumah panjang untuk memulihkan keadaan yang kurang sihat berikutan tohmahan yang dilemparkan terhadap BN3 dalam kempen pilihan raya negeri baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, 15 Adun BN3 daripada kaum Dayak itu turut menyatakan sokongan mereka untuk mengekalkan hubungan baik di antara Sarawak dan Kerajaan Pusat.

Katanya, mereka juga menyokong penuh dasar Kerajaan Pusat yang mengutamakan pembangunan untuk rakyat semua kaum.